

## Ayat Tunggal

Binaan ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu klausa sahaja, iaitu yang mempunyai satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat.

Ayat tunggal, seperti juga ayat-ayat yang lain, terbit daripada ayat dasar. Contoh:

Subjek	Predikat
Abangnya	penulis terkenal di Malaysia. ( Frasa Nama )
Datuk Alif	sedang berucap dalam majlis perasmian itu. ( Frasa Kerja )
Lauk-pauk Restoran Makanan Laut Selera Idaman	sedap sungguh. ( Frasa Adjektif )
Pelancong itu	dari Timur Tengah. ( Frasa Sendi Nama )

## Ayat Majmuk

**AYAT** yang terdiri daripada gabungan beberapa ayat tunggal disebut ayat majmuk.

Ayat majmuk terbahagi kepada

- Ayat Majmuk Gabungan
- Ayat Majmuk Pancangan
- Ayat Majmuk Campuran.

### Ayat Majmuk Gabungan

Ayat ini terdiri daripada dua ayat atau lebih yang digabungkan dengan menggunakan kata hubung seperti dan, tetapi, atau, sambil, dan sebagainya.

Ayat 1	Ayat 2	Kata Hubung	Ayat Majmuk Gabungan
Ibu memasak nasi.	Ibu mendengar radio.	sambil	Ibu memasak nasi sambil mendengar radio.
Ahmad rajin.	Adiknya malas.	tetapi	Ahmad rajin tetapi adiknya malas.
Guru masuk ke kelas.	Guru mengajar kami.	lalu	Guru masuk ke kelas lalu mengajar kami.

Ayat 1	Ayat 2	Kata Hubung	Ayat Majmuk Gabungan
Sony ke kedai.	Haris ke kedai.	dan	Sony dan Haris ke kedai.

### Ayat Majmuk Pancangan Relatif

Ayat majmuk ini menggunakan kata hubung 'yang'.

Ayat induk	Ayat kecil	Kata Hubung	Ayat Majmuk Relatif
Motosikal itu milik Encik Durai.	Motosikal itu berwarna hitam.	yang	Motosikal yang berwarna hitam itu milik Encik Durai.
Orang itu abang saya.	Orang itu memakai cermin mata hitam.	yang	Orang yang memakai cermin mata hitam itu abang saya.
Bangunan itu jimat tenaga.	Bangunan itu berwarna hijau.	yang	Bangunan yang berwarna hijau itu jimat tenaga.

**Ayat Majmuk Pancangan Komplemen** mempunyai bahagian komplemen yang menggunakan kata hubung *bahawa* dan *untuk*.

Bahagian komplemen berfungsi sebagai unsur yang melengkapkan ayat tersebut. Contoh: Jamal menyatakan bahawa dia akan bertolak esok.

Ayat induk	Ayat komplemen	Kata Hubung	Ayat Majmuk Komplemen
Jamal menyatakan (sesuatu).	Dia akan bertolak esok.	bahawa	Jamal menyatakan bahawa dia akan bertolak esok.
Beliau menjelaskan (sesuatu)	Cuti semua pegawai pejabat itu dibekukan.	bahawa	<i>Beliau menjelaskan</i> bahawa cuti semua pegawai pejabat itu dibekukan.

Ayat induk	Ayat komplemen	Kata Hubung	Ayat Majmuk Komplemen
Mereka beranggapan ( sesuatu )	Masalah itu telah selesai.	bahawa	Mereka beranggapan bahawa masalah itu telah selesai.

**Ayat Majmuk Pancangan Keterangan** mempunyai ayat keterangan atau klausa keterangan di dalamnya. Ayat seperti ini disambungkan dengan menggunakan kata hubung *ketika, kerana, jika, dengan,* dan sebagainya.

Ayat induk	Ayat keterangan	Kata Hubung	Ayat Majmuk Keterangan
Murid itu selalu mendapat keputusan cemerlang.	( Dia ) rajin belajar.	kerana	Murid itu selalu mendapat keputusan cemerlang kerana rajin belajar.
Pemain bola sepak negara gagal.	Pemain bola sepak Negara kurang bersedia.	kerana	Pemain bola sepak negara gagal kerana kurang bersedia.
Bayi itu menangis.	( Bayi itu ) lapar.	jika	Bayi itu menangis jika lapar.

### Ayat Majmuk Campuran

Ayat ini mempunyai lebih daripada satu jenis ayat yang terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan beberapa ayat majmuk. Ayat majmuk jenis ini menggunakan kata hubung *dan, yang, bahawa, dan kerana.*

Ayat tunggal	Ayat Tunggal	Ayat Tunggal	Ayat Majmuk Campuran
Encik Hanif ialah guru Bahasa Melayu.	Encik Hanif ialah guru Pendidikan Moral.	Encik Hanif ialah guru berpengalaman luas.	Encik Hanif ialah guru Bahasa Melayu dan Pendidikan Moral yang berpengalaman luas.

Ayat tunggal	Ayat Tunggal	Ayat Tunggal	Ayat Majmuk Campuran
Xin Hui dan Malik menyatakan sesuatu.	Malik menyatakan sesuatu.	Buku latihan mereka telah dijumpai semalam.	Xin Hui dan Malik menyatakan bahawa buku latihan mereka telah dijumpai semalam.
Ganesan sangat pintar.	Rajesh sangat pintar.	Mereka lulus dengan cemerlang.	Ganesan dan Rajesh sangat pintar kerana mereka lulus dengan cemerlang.